

BERITA HARIAN

DATE: 05/08/2007

# Perkongasian kuasa Umno berkesan satukan rakyat

BH- 5/8/2007

## Parti lain di dunia contohi semangat kerjasama wujud kestabilan: Najib

Oleh Hassan Omar  
dan Mohd Azrone Sarabatin

**K**OTA KINABALU: Datuk Seri Najib Razak berkata, amalan perkongsian kuasa yang dipraktikkan Umno membolehkan negara mengintegrasikan rakyat berbilang kaum tanpa paksaan dengan mengekalkan keunikan budaya masing-masing dan kini menjadi contoh kepada parti lain di dunia.

Timbalan Presiden Umno berkata, penubuhan parti itu menerusi konsep perkongsian kuasa dengan parti komponen Barisan Nasional (BN) membuktikan kemampuannya membawa kestabilan politik dan pembangunan.

“Daripada konsep perkongsian kuasa yang kita semua hayati, fahami dan tahu akan maksudnya, di antara dasar asimilasi dan integrasi,

kita memilih integrasi kerana kita tidak paksa sesiapa, kita dapat melihat bahawa dalam konteks perkembangan politik dan kebudayaan, hubungan antara kaum begitu serasi dan baik.

“(Dulu) orang putih menjajah kita, baru hari ini di Northern Ireland mereka mempraktikkan konsep perkongsian kuasa antara mereka yang beragama Katolik dan Protestan. Lebih 50 tahun dulu kita sudah menghayati konsep perkongsian kuasa ini,” katanya berucap merasmikan mesyuarat perwakilan serentak untuk bahagian Umno Putatan, Sepanggar dan Penampang di Kompleks Kementerian Belia dan Sukan Persekutuan di Putatan, dekat sini semalam.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pemimpin sekarang mewarisi sifat bijaksana dan pragmatik daripada pemimpin terdahulu bagi menya-

tukan rakyat berbilang kaum di negara ini menjadi satu bangsa Malaysia.

“Kita lihat saja bila kita menuntut kemerdekaan dulu, kita guna akal, kita guna kebijaksanaan dan lantaran itu kemerdekaan dicapai tanpa pertumpahan darah.

FAKTA NOMBOR

Umno di Sabah

**4,000**

Ahli pada awal penubuhan

**16**

Tahun penubuhan

“Kita gunakan akal masa nak menubuhkan Malaysia, maka Sabah dan Sarawak tercantum dalam sebuah negara Malaysia, tetapi kita mengekalkan ciri-ciri unik dan teristimewa dalam hubungan kita dengan Sabah dan Sarawak.

“Ketika kita bawakan Umno ke Sabah, kita tidak mengusik ataupun mengubah keunikan yang ada dalam konteks budaya dan sejarah orang Sabah dan hubungan antara kaum di negeri ini,” katanya.

Kini katanya, penubuhan Umno di Sabah 16 tahun lalu membawa rahmat kepada rakyatnya, walaupun setengah pihak sangsi dengan penubuhannya.

“Politik Sabah yang satu ketika dulu tidak stabil kini semakin kukuh kerana kehadiran Umno dan setia-kawan dengan parti komponen BN,” katanya.